

03 OCT 1998

KIRA-KIRA 1,000 MOTOSIKAL AKAN DITUNGGANGI KE PERHIMPUNAN PERDANA

KANGAR, 3 Okt (Bernama) -- Kira-kira 1,000 buah motosikal akan ditunggangi oleh anggota-anggota UMNO Perlis bagi menghadiri perhimpunan perdana anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 10 Okt ini.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, langkah itu terpaksa diambil bagi mengatasi kekurangan bas untuk membawa kira-kira 6,000 anggota parti itu ke perhimpunan berkenaan.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis berkata, adalah wajar bagi anggota-anggota UMNO yang mempunyai kenderaan sendiri seperti motosikal dan kereta menggunakan kenderaan masing-masing.

Bercakap kepada para pemberita di pejabatnya hari ini, Shahidan berkata, kerajaan negeri akan mengedarkan kira-kira 1,000 kaset ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau sendiri kepada orang ramai bagi menjelaskan maklumat sebenar yang membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai cadangan bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi untuk menjelajah seluruh negara bagi menjelaskan isu semasa, Shahidan berkata, beliau akan meneliti kandungan ucapan Zahid terlebih dahulu sebelum membenarkannya berceramah di sini.

-- BERNAMA

AD PR